

INSTITUSI PENGHULU DI DAERAH
NANING (MELAKA)

MAIMUNAH BINTI SAMAT



Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian dari-
pada syarat-syarat Ijazah Sarjanamuda Kepujian
Dalam Bidang Sejarah.

"Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis
dengan perkataan saya sendiri melainkan nukilan-
nukilan yang mana telah saya akui tiap-tiap satunya."

KANDUNGAN

	Halaman
SINOPSIS	iii
SENARAI KEPENDEKAN	vii
PRAKATA	viii
PENDAHULUAN	ix - xii
BAB I : LATAR BELAKANG UMUM	1 - 23
BAB II : SISTEM PENTADBIRAN TRADISIONAL NANING	23 - 45
BAB III : INSTITUSI PENGHULU ADAT (MUKIM)	
DIZAMAN INGGERIS	46 - 70
BAB IV : INSTITUSI PENGHULU DIZAMAN MERDEKA	70 - 104
KESIMPULAN	105 - 108
BAHAN RUJUKAN	109 - 112
LAMPIRAN	
LAMPIRAN I : ORANG-YANG DITEMURAMAH	113 - 115
LAMPIRAN II : PETA DAERAH ALOR GAJAH DAN WILAYAH NANING	116
LAMPIRAN III : KETURUMAN RESMI PENGHULU NANING DARI TAHUN 1831 HINGGA TAHUN 1895	117

LAMPIRAN	IV	:	SENARAI NAMA DATUK PENGHULU NANING (1850-51)	..	118
LAMPIRAN	V	:	PERLANTIKAN PENGHULU SUNGAI SIFUT	..	119
LAMPIRAN	VI	:	SURAT PERLANTIKAN PENGHULU DINASA TADBIRAN KOLONIAL (BRITISH) BERTARIKH 1951		120
LAMPIRAN	VII	:	SENARAI DEMANG DAN PENGHULU BAGI DAERAH ALOR GAJAH - 1945	..	121
LAMPIRAN	VIII	:	SENARAI DEMANG DAN PENGHULU BAGI DAERAH JASIN - DILANTIK PADA 18 DEC 1945	..	122
LAMPIRAN	IX	:	SURAT PERLANTIKAN PENGHULU NEGERI MELAKA SELEPAS MERDEKA (1958)..	..	123
LAMPIRAN	X	:	NAMA PENGHULU : DAERAH ALOR GAJAH (1966)	..	124
LAMPIRAN	XI	:	SENARAI PENGHULU: DARI ARAHAN PERKHIDMATAN BAB I(5)	125 - 126
LAMPIRAN	XII	:	ADAT PERPATIH NANING DALAM PERLENBAGAAN	..	127
LAMPIRAN	XIII	:	NAMA PENGHULU DI DAERAH ALOR GAJAH (1978)	..	128

SINOPSIS

Institusi penghulu merupakan suatu jawatan penting di dalam bidang kepimpinan masyarakat Melayu, sejak dari zaman tradisi sehinggalah ke hari ini. Oleh itu dalam jangka masa yang begitu lama, kewujudannya sudah tentu menerima berbagai-bagai perubahan baik dari segi perlantikan, tugas dan peranannya serta hubungannya dengan masyarakat.

Di dalam melihat perubahan inilah penulis telah memilih Institusi Penghulu di daerah Naning. Daerah Naning merupakan sebuah daerah pendalaman di utara Negeri Melaka yang mengamalkan suatu sistem adat tersendiri dikenal sebagai 'Adat Naning'. Sistem adat ini pada dasarnya mempunyai persamaan dengan sistem Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat di Luak Negeri Sembilan.

Untuk membincangkan perubahan institusi penghulu yang dialami oleh daerah Naning, penulis lebih menumpukan kepada penghulu mukim bukannya kepada Datuk Penghulu Naning, walau bagaimanapun sebagai latar belakang perlu juga disentuh peranan Datuk Naning di dalam pentadbiran tradisional Naning.

Oleh itu penulis telah membahagikan bab perbincangan tersebut kepada empat bahagian.

BAB I - Di dalam bab pertama ini penulis menyentuh secara sepintas lalu latar belakang sejarah Naning. Perbincangan dibuat terhadap persetujuan ahli pengkaji sejarah menggolongkan daerah ini pada suatu masa dulu sebagai sebuah Luak di dalam Negeri Sembilan. Alasan yang

sering mereka gunakan adalah persamaan yang wujud dari segi adat masyarakat di kedua-dua daerah tersebut.

Penulis juga menyentuh tentang mukim-mukim yang tergolong di dalam daerah ini. Suatu hal yang nyata, daerah ini makin berkurangan dari masa ke masa. Jikalau dahulu ia berjumlah sebanyak dua puluh lapan buah mukim tetapi kini hanya tinggal dua puluh lima buah sahaja.

Selain dari itu penulis juga menceritakan secara umum sistem sosial masyarakat tersebut. Sistem sosial masyarakat ini perlu difahami kerana ia berkaitan dengan kehidupan sehari-hari masyarakatnya. Di samping itu penulis menjelaskan pertambahan penduduk yang dialami oleh daerah ini sama ada dari segi jumlah mahupun ethnik.

Akhir sekali melalui bab ini penulis membincangkan secara umum, sejarah perlantikan penghulu di Naning yang mula wujud sewaktu Belanda memerintah Melaka.

BAB II - Bab kedua ini menyentuh tentang sistem pentadbiran tradisional Naning. Bab ini adalah penting untuk melihat perubahan selanjutnya yang dialami oleh daerah ini. Perbincangan dibuat dengan melihat proses perlantikan bagi setiap jawatan tradisional tersebut. Kemudiannya melihat peranan dan tugas yang dimainkan oleh setiap anggota pemimpin tersebut. Apa yang jelas kepada kita anggota pemimpinnya mempunyai hubungan yang rapat dengan anak buah. Peranan Lembaga dianggap penting dan mempunyai persamaan tugas dengan Penghulu Adat (Mukim) dimasa British, seterusnya penghulu mukim selepas merdeka.

Dilihat juga bagaimana kedudukan setiap anggota pemimpin ini di dalam masyarakatnya. Gambaran ini adalah perlu untuk memudahkan kita melihat perubahan-perubahan yang menonjol dari dahulu hingga ke hari ini.

BAB III - Bab ini membicarakan perubahan yang berlaku terhadap pentadbiran tradisional akibat dari kemasukan Inggeris pada tahun 1832. Suatu jawatan penting telah diwujudkan oleh Inggeris bagi memudahkan ia menjalankan pentadbiran. Pembahagian sempadan berdasarkan tanah jajahan mula diperkenalkan oleh Inggeris bagi menggantikan sempadan berbentuk unit kekeluargaan (Suku). Kekuasaan Datuk Penghulu Naning dan Lembaga mulai lemah apabila jawatan penghulu adat (mukim) diperkenalkan.

Selanjutnya penulis membicarakan secara satu persatu tentang proses perlantikan, tugas serta peranan yang dimainkan oleh penghulu adat (mukim). Akhirnya penulis membicarakan kedudukan serta hubungannya dengan anak buah. Hubungannya dengan anak buah mula menampakkan kerengangan di akhir pentadbiran Inggeris. Keadaan ini disebabkan oleh tugasnya yang bertambah berat sesuai dengan perkembangan masyarakat dan masa.

BAB IV - Bab ini membicarakan dengan lebih lanjut perubahan yang terjadi terhadap penghulu adat (mukim) setelah negara merdeka. Di peringkat awal penghulu ini melibatkan peranannya di kedua-dua bidang sama ada adat ataupun pentadbiran. Tetapi setelah proses pembangunan yang begitu pesat berlaku di Tanah Melayu penghulu mulai

meninggalkan jawatan adat mereka. Jawatan adat diletakkan di bawah pengawasan Sidang. Proses perlantikan penghulu mulai mementingkan kelulusan yang disesuaikan dengan gajinya yang agak lumayan."

Peranannya yang begitu meluas mengakibatkan hubungannya dengan anak buah bertambah renggang. Keadaan ini disusuli pula dengan kemunculan pemimpin-pemimpin serta institusi baru yang dapat memainkan peranan yang sama penting dengan tugas penghulu.

Alhaknya penulis membuat kesimpulan dengan melihat perubahan-perubahan yang telah berlaku diketiga-tiga tempoh masa yang telah dibincangkan.

SENARAI KEPENDEKAN

DOAG	-	District Office Alor Gajah
JMBRAS	-	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	-	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
SS	-	Straits Settlement

PRAKATA

Syukur kehadiran Allah Subhanahuwataala dengan limpah Taufik serta Hidayatnya Latihan Ilmiah yang tidak sepertinya ini dapat diselesaikan. Penulisan ini tidaklah secara mendalam dan lengkap seperti mana yang diharapkan. Namun begitu penulis mengharap agar ia dapat memberi serba sedikit sumbangan kepada para pengkaji sejarah yang akan datang.

Bersama-sama ini penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Penghulu Naning dan Datuk Penghulu Mukim di pejabat Daerah Alor Gajah yang telah banyak memberikan bantuannya. Ber-banyak terima kasih ditujukan kepada bekas penghulu mukim Melaka Pindah iaitu Datuk Kasim bin Yasin yang telah bersusah payah membantu penulis, di dalam memberikan dokument penting yang dimilikinya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Penyelia penulis En. Murad Md. Jan yang telah memberikan tunjuk ajarnya. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara dan juga kepada jurutaip Latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali penulis bersyukur kerana dengan berkat doa dan bantuan dari seluruh keluarga terutama daripada Emak dan Abah, yang telah menjadi sumber kekuatan bagi mendorong penulis menyiapkan Latihan Ilmiah ini sehingga selesai.

PENDAHULUAN

1. Tujuan

Penulisan ini dibuat bagi mengkaji secara umum perubahan yang telah dialami oleh Institusi Penghulu di daerah Naning sejak dari zaman tradisi sehinggalah kehari ini.

Sebelum ini kita telah banyak membaca penulisan ahli sejarah Barat mahupun tempatan, menulis tentang sistem pentadbiran di daerah yang mengamalkan hukum adat, tetapi ternyata kebanyakan daripada tumpuan para penulis tersebut menyentuh kepada sistem pentadbiran di Luak Negeri Sembilan.¹

Sentuhan yang dibuat ke atas Naning begitu kurang sekali. Setakat ini terdapat hanya dua orang penulis Barat yang telah melahirkan penulisannya terhadap sistem pentadbiran Naning. Mereka ini terdiri daripada A.B. Ramsay² dan M.B. Hooker.³

1. Di antara penulis-penulis Barat itu termasuklah R.J. Wilkinson yang menulis "Notes on the Negeri Sembilan", R.J. Wilkinson (ed) Papers on Malay Subjects, First Series Part 5, Government Press, Kuala Lumpur 1911. R.D. Winstedt yang menulis "Negeri Sembilan: The History, Polity and Belief of the Nine State", Journal of the Royal Asiatic Society - Malayan Branch (JMBRAS), Vol. 12, Part 3, Singapore, 1934. A. Caldecott yang menulis "Jelevu - Its History and Constitution", Papers on Malay Subjects, Second Series, Government Press, Kuala Lumpur 1912. M.G. Swift, "Malay Peasant Society in Jelevu", The Athlone Press, London 1965. Dan lain-lain lagi.
2. A.B. Ramsay, "Some Notes on Kampong Officials in the Alor Gajah District of Malacca", JMBRAS, Vol. 23 part 3.
3. M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, Land Tenure, Traditional Government and Religion, Oxford University Press, London 1972, m.s. 91-111.

← Disebabkan kekurangan penulisan mengenai sejarah pentadbiran Naning inilah yang telah menarik hati penulis untuk menuliskannya.

Penulis juga ingin mengkaji sejauh mana perubahan itu telah terjadi disetiap peringkat masa yang telah ditentukan. Iaitu dizaman tradisional, British dan Merdeka. Jawapan kepada persoalan di atas akan dapat dijawab jikalau perbincangan ditumpukan kepada cara perlantikan, peranan serta tugas dan hubungan penghulu tersebut di kalangan anak buahnya.

Sebab-sebab yang mendorong kepada perubahan institusi tersebut juga akan dibincangkan, kerana ia dapat memberi gambaran setakat mana sistem pentadbiran tradisional dapat bertahan di dalam menghadapi perubahan masa dan masyarakat.

Melalui penulisan ini diharapkan dapat memberi sedikit sumbangan kepada jenarasi muda Naning untuk melihat bagaimana kedudukan pimpinan tradisional mereka sebelum mengalami perubahan keadaan ini disebabkan kebanyakan jenarasi muda ini tidak memahami keistimewaan sistem pentadbiran tradisional Naning serta hukum adatnya. Ini diakibatkan oleh perkembangan pelajaran yang pesat, mendorong mereka mementingkan kebendaan.

2. Skop kajian

Kajian ini dibuat secara umum mengikut tahap-tahap perubahan yang dialami oleh sistem pentadbiran Naning. Penulis

tidak membincangkan period kemasukan Jepun ke Tanah Melayu, ini disebabkan dalam jangka waktu yang sebegitu singkat, sudah tentu ia tidak menampakkan suatu perubahan yang jelas ke atas sistem pentadbiran tradisional Naning. Juga hasil penulisan yang dibuat dimasa Jepun berkuasa di Naning juga amat kurang untuk dijadikan sebagai panduan.

Daripada pertanyaan-pertanyaan yang penulis kemukakan kepada orang-orang tua di Mukim Melaka Pindah kebanyakan mereka mensifatkan, penghulu dimasa itu terpaksa menyebelahi Jepun kerana takut dibunuh. Kesan daripada ini menimbulkan kebencian penduduk kampung kepada penghulu yang menyebelahi Jepun. Terutamanya bagi mereka yang terlibat dengan rancangan Jepun membina landasan keretapi dari Tanah Melayu ke Siam. Kebanyakan mereka ini dipilih oleh penghulu mukim sendiri sebagai memenuhi kemahuan Jepun. Manakala dari segi perlantikan dan gaji yang diterima oleh penghulu tidak jelas dimasa tersebut.

Skop kajian ini pada asasnya melihat perbezaan dan perubahan cara perlantikan penghulu mukim dan bukannya jawatan Datuk Penghulu Naning. Walau bagaimanapun kaitan perlu juga dibuat kerana sedikit sebanyak perbincangan ini mempunyai hubungan.

Selain daripada membincangkan cara perlantikan penghulu mukim, disentuh juga terhadap tugas serta peranan yang dimainkan terhadap anak buahnya. Apa yang jelas kepada kita, peranan mereka

semakin berat dan meluas dari masa kesemasa, dan ini mengwujudkan perubahan di dalam konteks perhubungan mereka yang anak buah masing-masing.

Akhir sekali penulis membuat kesimpulan terhadap apa yang telah dibincangkan sebelum ini.

3. Method yang digunakan

(i) Temuduga

Temuduga dibuat kepada orang-orang yang berkenaan dan dianggap dapat memberi bantuan kepada penulis untuk dijadikan bahan penulisan. Umpamanya temuduga dibuat dengan Datuk Penghulu Naning, Datuk Penghulu Mukim di pejabat daerah Alor Gajah, Bekas Penghulu Adat (Mukim) juga kepada Sidang dan Buapak yang sedang berkhidmat.

(ii) Pergaulan

Melalui pergaulan penulis dengan penduduk Mukim Melaka Pindah, penulis dapati hubungan penduduk mukim tersebut dengan penghulu mereka tidak rapat. Malah masih ada orang-orang di mukim tersebut tidak mengenal siapakah penghulunya. Begitu juga di dalam membuat majlis-majlis sosial, penduduk mukim tersebut semakin berkurangan mematuhi hukum adat. Ini dapat dijadikan sebagai bukti kelemahan pimpinan tradisional Naning di dalam mempertahankan hukum adat.

4. Bahan rujukan

Penulis dapati amat kurang bahan rujukan yang membincangkan tajuk ini. Walau bagaimanapun bahan rujukan penulis perolehi daripada dokumen yang dipunyai oleh penghulu, fail-fail Pejabat Daerah seperti Jasin dan Alor Gajah serta Fail Resident Commissioner Melaka. Fail-fail ini kebanyakannya penulis perolehi dari Arkib Negara dan Pejabat Daerah Alor Gajah. Di samping itu bahan rujukan berbentuk buku dan latihan ilmiah yang membincangkan sejarah Nanning, penulis perolehi daripada perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

5. Masalah yang dihadapi dan cara mengatasinya

Penulis menghadapi kekurangan bahan untuk dijadikan sumber penulisan. Kebanyakan respondent yang dianggap dapat memberi keterangan telah tidak dapat berbuat. ? Ini disebabkan oleh kerana umurnya yang sudah tua, mereka sering lupa dan tidak dapat memberi keterangan dengan tepat. Bagi penghulu di Pejabat Daerah Alor Gajah kebanyakan mereka masih muda dan baru dilantik. Tambahan pula sebelum ini mereka tidak tinggal di daerah Nanning, oleh yang demikian maklumat yang diperolehi amat sedikit dan tidak jelas.

Walaupun bagaimanapun penulis bernasib baik kerana dapat bertemu dengan Datuk Penghulu Nanning yang mempunyai pengalaman yang luas dibidang ini.

BAB III
INSTITUSI PENGHULU ADAT (MUKIM) NANING
DI ZAMAN INGGERIS

Latar belakang secara umum

Kekalahan Naning di tangan Inggeris pada tahun 1832 adalah merupakan suatu titik permulaan bagi mengwujudkan perubahan di dalam pentadbiran tradisional Naning. Penyerahan diri oleh Penghulu Abdul Said, telah memberi peluang kepada Inggeris untuk merubah sistem pentadbiran dan pimpinan di Naning.¹

Jawatan Datuk Penghulu Naning serta lain-lain pimpinan tradisional telah menjadi suatu lembaga sosial yang berkurangan fungsinya. Sungguhpun M.B. Hooker melalui penulisannya telah menjelaskan bahawa:

'Polisi kerajaan penjajah ditunjukkan melalui Piagam Keamanan (Charater of Justice) yang pertama pada tahun 1807. Menurut perundangan Inggeris, mereka harus menghormati adat istiadat peri-bumi, kebiasaan dan undang-undang mereka'.²

Kenyataan ini bertentangan dengan polisi kerajaan Inggeris yang menjalankan pentadbiran di Naning. Apa yang paling jelas sekali berlaku adalah dari segi kedudukan penghulu Naning sebagai ketua Luak

-
1. Zainal Kling, Sistem Penghulu di daerah Alor Gajah Melaka, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, m.s. 18.
 2. M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, Land Tenure Traditional Government and Religion, Oxford University Press, London, 1972, m.s. 109.

telah berubah. Undang-undang adat telah diketepikan, melainkan soal pewarisan tanah pusaka terus berjalan mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam undang-undang 'Malacca Land Customary Right Ordinance' (1886).

Undang-undang adat yang telah diketepikan telah diganti dengan mahkamah perundangan yang berdasarkan kepada undang-undang Inggeris. Kekuasaan Datuk Penghulu di bidang adat turut luntur, memandangkan kepada wujudnya campur tangan dari pegawai daerah. Penghulu Naning seolah-olah hanya menguasai suatu mukim kecil yang mana merupakan pusat pentadbirannya dahulu.³

Walaupun bagaimanapun dari segi organisasi sosial sistem Adat Perpatih Naning masih berjalan terus, proses perlantikan pemimpinnya masih mengekalkan unsur-unsur tradisional.

Jikalau ditinjau ucapan pertama Sir Hugh Clifford di dalam majlis Undang Negeri Melayu Bersekutu, jelas menekankan sikap 'non-intervention' British di Negeri Melayu. Menurutnyanya:

'Negeri-negeri ini dulu iaitu waktu kerajaan Inggeris diminta oleh raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu, menolong mereka menyelesaikan kesulitan-kesulitan di dalam rumah tangga mereka, merupakan kerajaan-kerajaan Islam. Serupalah dengan keadaannya dihari ini dan demikianlah seterusnya. Raja-raja dan pembesar-pembesar serta rakyatnya tidak pernah memberikan mandat kepada kita untuk mengubah sistem pemerintahan yang telah ada di negeri-negeri ini sejak zaman silam lagi'.⁴

-
3. Pusat pentadbiran Naning adalah di Mukim Taboh Naning. Oleh itu sewaktu Inggeris berkuasa, ia seolah-olah berkuasa di Taboh Naning sahaja.
 4. William R. Roff, Nasionalisma Melayu, terjemahan oleh Ahmad Boestaman. Penerbit Universiti Malaya, 1975, m.s. 15.

Ternyata di awal abad kedua puluh segala kenyataan yang diberi oleh Hugh Clifford bertentangan dengan tujuan akhir pegawai-pegawai Inggeris yang bertugas di Tanah Melayu khususnya di Naning. Pengkaji-pengkaji sejarah tempatan menyedari bahawa terdapat beberapa sebab utama yang mahu dicapai oleh pentadbir-pentadbir British.

Campur tangan British akan memberi peluang pedagang British menambah kekayaan mereka. Selain daripada itu sikap campur tangan itu merupakan satu alasan moral bagi kerajaan British untuk merubah struktur pentadbiran tradisional peribumi. Berselindung di sebalik kebajikan dan hasrat untuk memajukan orang-orang Melayu, telah membolehkan British, mengurangkan kekuasaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh raja-raja Melayu.⁵

Satu bentuk pentadbiran moden telah diperkenalkan oleh British menjelang awal abad kedua puluh. Sistem Birokrasi telah berkembang secara meluas yang mana di peringkat tertinggi dipegang oleh pegawai British.

Sistem Birokrasi yang diperkenalkan oleh British sebagai suatu sistem pentadbiran yang baik, moden dan berdisiplin. Kenyataan ini sesuai dengan kata-kata yang telah diberikan oleh Residen General Negeri-negeri Melayu Berselaku pada tahun 1902. Menurutnya:

'Bila orang-orang Inggeris sampai di sini mereka mendapati tidak ada perkhidmatan awam anak negeri ... yang sedikit demi sedikit nanti boleh diperbaharui dan ditatatertibkan'.⁶

5. Ibid., m.s. 16.

6. Ibid., m.s. 17.

Penafian terhadap wujudnya suatu bentuk pentadbiran tradisional yang tersusun rapi di Negeri-negeri Melayu, merupakan helah kerajaan British. Jikalau dirujuk kepada sistem pentadbiran tradisional Naning, jelas menunjukkan suatu corak pentadbiran anak negeri yang tersusun telah wujud lebih awal sebelum kedatangan British.

Secara beransur-ansur pentadbiran tradisional Naning mulai diambil alih oleh Inggeris. Sektor pentadbiran yang mula sekali diambil alih oleh British adalah di bidang "pengutipan cukai dan belanjawan negeri, urusan kastam serta lain-lain penghasilan tanah dan perlombongan, polis serta mahkamah".⁷ Kesan dari pengambilan alih urusan ini membawa erti bahawa raja dan pembesar daerah tidak lagi mempunyai hak ke atasnya.

Daerah Naning telah digabungkan di bawah pentadbiran Inggeris yang berpusat di Melaka. Dasar 'Pecah dan Perintah' mulai dipraktikkan untuk memudahkan pentadbiran. Negeri Melaka telah dibahagi kepada tiga bahagian:

1. Peringkat Negeri - Ditadbir oleh Pesuruh Jaya Tinggi.
2. Peringkat Daerah - Ditadbir oleh Pegawai Daerah.
3. Peringkat Mukim - Ditadbir oleh Penghulu Adat (mukim).

Di peringkat daerah ini pula dipecahkan kepada tiga kawasan:

1. Daerah Melaka Utara.
2. Daerah Melaka Tengah.
3. Daerah Melaka Selatan.

7. Ibid., m.s. 21.

Boleh dikatakan sebahagian besar daripada mukim Naning terletak di daerah Melaka Utara yang berpusat di pejabat Daerah Alor Gajah. Hanya tiga mukim seperti Jus, Nyalas dan Batang Melaka diletakkan di bawah pentadbiran pejabat Daerah Jasin. Ini bererti pegawai daerah telah mengambil alih mentadbir daerah Naning dari Datuk Penghulu.

Pembahagian sempadan juga telah ditentukan berdasarkan kepada tanah jajahan. Sewaktu Naning di bawah pentadbiran tradisional pembahagian sempadan dibuat berdasarkan kepada unit kekeluargaan atau suku. Jumlah penduduk yang bertambah dan hukum adat yang menggalakkan perkahwinan antara suku, membuatkan saiz sesebuah kampung bertambah besar. Inggeris telah menggabungkan kampung-kampung tersebut bagi mewujudkan sebuah mukim. Bagi memudahkan lagi tugas pegawai daerah, maka suatu jawatan baru telah diperkenalkan oleh Inggeris. Jawatan tersebut dikenali sebagai Penghulu Adat (Mukim).


Di peringkat awal Inggeris berkuasa, Luak Naning telah dipecahkan kepada lima belas buah mukim. Bagi setiap mukim itu dilantik seorang penghulu. Menurut penulisan Munshi Abdullah yang dipetik oleh M.B. Hooker, pada tahun 1831 Kerajaan Negeri Selat telah melantik lima belas orang penghulu seperti berikut:⁸

8. M.B. Hooker, op.cit., m.s. 92.

Nama Penghulu	Suku	Mukim
1. Bilal Manja	Batu Belang	Ikan Lemak
2. Marat	Batu Belang	Piku
3. Maulana Sultan	Batu Belang	Malkek
4. Safar	Semelenggang	Taboh
5. Kiman	Tiga Batu	Lendu
6. Dul (Dol)	Anak Melaka	Ayer Pa'Abbas
7. Aludin	Anak Melaka	Berisu
8. Laut	Semelenggang	Sg. Siput
9. Kuroh	Tiga Nenek	Padang Sebang
10. Lengkar	Tiga Batu	Tanjong Rimau
11. Talib	Mungkal	Pulau
12. Udin	Semelenggang	Kemuning
13. Kujak	Mungkal	Batang Melaka
14. -	-	-
15. Dol Kunchi	Biduanda	Tebong

Nama bagi penghulu yang keempat belas, tiga diketahui oleh Munshi Abdullah. Oleh yang demikian susunan tadbiran kolonial boleh digambarkan seperti berikut:

Susunan Tadbiran Kolonial



Untuk melihat dengan lebih jelas bagaimanakah cara perlantikan, peranannya serta statusnya di dalam masyarakat, elok dibuat perbincangan khusus terhadapnya.

Penghulu Adat (Mukim)

Perlantikan

Sesuai dengan bentuk pentadbiran Birokrasi yang diperkenalkan oleh Inggeris, maka jawatan penghulu adat (mukim) adalah penting untuk menghubungkan penduduk di Mukim Naning secara langsung kepada pegawai

daerah. Penghulu Adat (Mukim) merupakan anggota pegawai kerajaan yang bekerjasama di bidang adat. Sebelum ini lembaga merupakan ketua bagi sesuatu Suku yang berperanan menghubungkan Datuk Penghulu dengan anak buahnya. Inggeris tidak menghapuskan jawatan lembaga dimasa ia berkuasa, sebaliknya ia meletakkan lembaga di bawah kuasa penghulu adat (mukim). Yang mana jawatannya sekarang ini lebih dikenali dengan nama Sidang.

Memurut A.B. Ramsay, pemilihan penghulu adat (mukim) yang baru dibuat jikalau berlaku kematian, bersara atau pun penghulu itu diberhentikan dari jawatannya.⁹ Lembaga di dalam mukim tersebut akan menghubungi pegawai daerah untuk meminta kebenaran mengadakan pemilihan penghulu yang baru. Semua anak buah di dalam mukim itu akan diberitahu melalui mesjid.

Persoalan pertama yang harus dibuat di dalam memilih penghulu yang baru adalah cuba menetapkan siapakah di antara keempat-empat Suku di dalam mukim itu berhak untuk dipilih. Umpamanya ketiga-tiga Suku seperti Tiga Batu, Semelenggang dan Anak Melaka telah pun memilih penghulu dari Suku masing-masing dimasa lepas. Oleh itu mengikut giliran akan datang Suku Mungkar pula berhak untuk melantik penghulu baru di kalangan Sukunya.

Di setengah tempat sistem giliran ini dibuat secara lebih khusus lagi. Giliran ini bukan saja berasaskan kepada Suku yang berhak tetapi merujuk kepada cabang Suku. Umpamanya apabila tiba giliran Suku

9. A.B. Ramsay, "Some Notes on Kampong Officials in the Alor Gajah District of Malacca 1932-1935", Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. XXIII pt. 3, August 1950, Singapore. m.s. 98.

Mungkar memilih penghulu baru, maka ahli anggota Suku itu akan menentukan cabang Suku mana pula yang berhak untuk dipilih.¹⁰

Pemilihan itu selalunya berkesudahan dengan penetapan terhadap tiga atau empat calon penghulu. Untuk menentukan siapa yang layak menjadi penghulu undian akan dijalankan. Proses pemilihan dibuat setelah selesai sembahyang Jumaat. Hanya kaum lelaki sahaja yang berhak untuk mengundi. Selalunya di dalam memilih penghulu ini orang ramai lebih bersedia menerima nasihat dan keputusan daripada pegawai daerah. Di dalam pemilihan tersebut pegawai daerah begitu mementingkan bakal penghulu yang mempunyai pelajaran walaupun hanya setakat tahu menulis dan membaca. Kedua-dua faktor ini penting sewaktu penghulu menjalankan tugasnya di pejabat daerah.

Selain daripada mempunyai pelajaran sekolah rendah, calon penghulu itu juga mesti mempunyai keperibadian yang baik. Penghulu yang berkeperibadian baik akan menjadi 'contoh' serta disegani oleh anak buahnya. Jikalau ia dihormati oleh anak buah maka mudahlah baginya untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit. Sifat pemurah serta alim dibidang agama sering menjadi ukuran bagi memilih penghulu di kalangan anak buah. Sifat alim ini boleh diukur daripada kekerapan penghulu tersebut menghadiri upacara sembahyang berjemaah.¹¹

Berbagai cara digunakan di dalam memilih penghulu tersebut. Umpamanya di Mukim Melaka Pindah, proses pengundian dijalankan sebaik

10. Ibid., m.s. 99.

11. Ibid.

sahaja selesai sembahyang Jumaat. Di perkarangan mesjid itu disediakan dengan sebuah meja yang diduduki oleh seorang kerani. Setiap para pengundi itu akan berbaris dan secara bergilir-gilir membisikkan nama calon penghulu yang dipilihnya kepada kerani tersebut. Kerani itu akan mencatatkan setiap pilihan tersebut di atas kertas yang tersedia. Manamana calon penghulu yang menerima undi terbanyak akan dipilih menjadi penghulu.¹²

Pemilihan penghulu di Mukim Melaka Pindah ini telah diadakan pada tahun 1951. Suku yang bertanding adalah terdiri dari Suku Anak Melaka bagi menggantikan Penghulu Hj. Ijai dari Suku Tiga Batu yang sudah bersara. Calon-calon yang bertanding terdiri dari:

1. Mohd Yasin bin Hamid
2. Idris bin Hassan
3. Abdul Manap bin Abu
4. Kassim bin Mohd Yasin
5. Keling Hj. Lah

Calon yang menang di dalam pemilihan tersebut ¹⁶ adalah Kassim bin Mohd Yasin. Ia telah dipilih memandangkan kepada kealimannya di bidang agama dan dikenal sebagai 'lebai' Kassim di kalangan penduduk kampung. Di samping itu ia mempunyai kelulusan darjah lima dari Sekolah Melayu. Kelebihannya itu tidak dipunyai oleh calon-calon penghulu yang lain.¹³

12. Keterangan; Mohd Aman bin Hj. Yusoff, ditemui pada 16.10.78.

13. Keterangan; Mohd Taha bin Bidin, ditemui pada 18.10.78.

Penghulu yang telah berjaya dipilih oleh penduduk mukim, ia terpaksa pula menunggu pengesahan dari Pesuruh Jaya Tinggi di Melaka, sebelum mula berkhidmat. Surat perlantikan yang diterima menjadi simbol kekuasaan penghulu tersebut di mukim yang dikuasainya.¹⁴

Menurut A.B. Ramsay,¹⁵ terdapat satu lagi corak pemilihan penghulu di Mukim Naning. Proses pemilihan ini didasarkan kepada kata perbilangannya 'Disandarkan pada Suku yang lain'. Di dalam setengah keadaan didapati, Suku yang berhak untuk melantik calon penghulu di kalangan anak buahnya tidak berbuat demikian. ^{kerana} Ini disebabkan mereka merasa tidak ada calon yang sesuai untuk dipilih dari Sukunya. Oleh itu ia melepaskan jawatan penghulu itu kepada Suku selepasnya. Maka proses ini dikenali sebagai 'Disandarkan pada Suku yang lain'.

Selain daripada menerima surat perlantikan, penghulu juga dibenarkan memiliki tali pinggang, kayu belantan polis, mempunyai sepasang gari tangan dan menerima bayaran yang rendah.¹⁶

Bayaran yang diterimanya adalah bergantung kepada peningkatan hasil keluaran yang diperolehi daripada mukimnya. Umpamanya, kita tinjau bagaimana pemberian bonos dibuat kepada penghulu bagi tiga buah mukim Naning pada tahun 1928. Mukim tersebut di bawah pentadbiran pejabat Daerah Jasin.¹⁷

14. Surat perlantikan itu boleh dilihat dengan lebih jelas di bahagian lampiran.

15. A.B. Ramsay, *op.cit.*, m.s. 100.

16. *Ibid.*, m.s. 99.

17. Fail Pejabat Daerah Jasin (1925-1940) No. 745/33, di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Nama Penghulu dan Mukim	Bayaran bonos 1927	Jumlah hasil kutipan 31.7.28	Kenaikan jumlah kutipan	Bonos yang akan diberikan
1. Haji Abd. Manap bin Bulat (Batang Melaka)	\$17.70	431.40	385.55	\$70.00
2. Haji Latip Ali (Nyalas)	\$30.00	2573.45	2385.80	\$60.00
3. Haji Sulung Tapah (Jus)	\$4.10	664.95	556.30	\$20.00

Peranan dan tugas Penghulu Adat (Mukim)

Peranan Penghulu Adat (Mukim) ini secara kasarnya boleh dibahagi kepada dua tugas yang besar, iaitu berkhidmat untuk tadbiran kolonial dan adat. Di dalam menjalankan kedua-dua tugas ini penghulu mendapat bantuan daripada Demang, Sidang dan Buapak. Demang, merupakan seorang penghulu yang paling 'kanan'. Ia dipilih berdasarkan kepada perkhidmatannya yang lama serta menunjukkan kecekapan di dalam menjalankan tugasnya terhadap anak buah. Setiap empat atau lima buah mukim di daerah Alor Gajah (Naning) dilantik seorang Demang.¹⁸

18. Kenyataan Datok Mohd Shah bin Mohd Said, ditemui pada 16.1.78.

Di samping bertanggung jawab di dalam mukimnya sendiri, Demang juga ditugaskan menjaga mukim-mukim yang telah diletakkan di bawah jagaannya.

Walaupun Demang bukan merupakan suatu jawatan adat tetapi disebabkan jawatannya ini diperkenalkan di daerah adat Naning maka ia bertanggung jawab juga dibidang tersebut. Oleh itu Demang dan penghulu adat (mukim) saling bekerjasama dengan pegawai daerah dan Datuk Penghulu Naning.¹⁹

Di peringkat tadbiran kolonial, penghulu bertugas sebagai orang tengah untuk menyampaikan segala arahan daripada pegawai daerah kepada anak buahnya. Oleh kerana ia dilantik di dalam mukimnya sendiri maka hubungannya dengan anak buah begitu rapat sekali. Tugasnya yang paling penting sekali adalah di dalam soal tanah, kutipan cukai dan menjaga keamanan mukim. Sebagai ketua mukim, ketenteraman serta perhubungan di antara anak buah harus diawasinya. Oleh itu ia kerap kali diperlukan untuk menyelesaikan perbalahan di antara anak buahnya. Ia boleh mengadili dan mendenda orang-orang yang melakukan kesalahan kecil.

Dalam bidang cukai, ia ditugaskan untuk memberitahu masa yang sepatutnya bagi anak buah membayar cukai tanah. Di samping itu ia juga diarahkan untuk memberi amaran kepada orang-orang yang tidak membayar cukai. Bagi orang miskin yang tidak mempunyai wang untuk membayar cukai, tanahnya sering dilelongkan kepada orang lain.²⁰

19. Ibid.

20. Keterangan Chik binti Hussain, ditemui pada 28.10.78.

Tekanannya yang lebih kepada kutipan cukai di dalam mukim adalah penting bagi menentukan kadar saku hati yang akan diberi oleh pegawai daerah.

Oleh itu menurut William Roff, di antara tugas-tugas penghulu ini adalah untuk mengekalkan keamanan dalam mukim mereka, mengadili dan mendenda orang-orang yang melakukan kesalahan, melaporkan kemajuan umum mukim itu serta menguatkuasakan peraturan kerajaan. Di waktu akhir-akhir ini pula tugasnya bertambah berat kerana terpaksa mengurus soal yang berhubungan dengan undang-undang tanah, tanam-tanaman, hasil negeri, kesihatan, persekolahan dan lain-lain lagi.²¹

Di dalam bidang pelajaran, penghulu memainkan peranan yang penting. Setiap penghulu ditugaskan untuk menggalakkan anak buah pergi ke sekolah. Sering kali ingatan diberi kepada pihak ibu bapa supaya mendaftar nama anak mereka untuk bersekolah.

Penghulu juga dikehendaki mengawasi harta-harta kerajaan dan juga harta anak buahnya dikawal dengan selamat. Di dalam soal ini, penghulu mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak polis. Ia boleh menangkap sebarang orang luar yang menceroboh masuk ke mukim jagaannya.

Penghulu ditugaskan untuk mengawasi kegiatan pertanian dan ternakan yang dikerjakan oleh anak buahnya. Awasan ini dibuat bersesuaian dengan arahan yang dikeluarkan oleh pegawai daerah. Pegawai daerah sering menghubungi penghulu, untuk mengkaji perkembangan yang dicapai oleh setiap mukim. Umpamanya pegawai daerah Jasin di dalam tahun 1913 pernah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua penghulu mukim, agar

21. William Roff, op.cit., m.s. 25.

membuat bancian terhadap jumlah ternakan di mukim masing-masing.²²

Sebarang kejayaan yang dicapai oleh sesebuah mukim dibidang pertanian terutamanya di dalam penanaman padi, maka penghulunya akan diberi 'bonos' sebagai hadiah.²³ Oleh itu untuk mencapai peningkatan di dalam hasil keluaran padi penghulu dikehendaki mengawasi masa mananam dan menuai padi mengikut seperti mana yang telah ditetapkan oleh pejabat daerah.

Menjelang tahun 1940, Mahkamah Penghulu (Penghulu's Court) telah ditubuhkan di daerah Alor Gajah. Penghulu mempunyai surat tauliah (local authority) tempatan untuk memimpin (conduct) mahkamah penghulu tersebut. Ia boleh mengenakan pengaruhnya dan denda wang bagi setengah kes awam. Berdasarkan pemilihan ini M.B. Hooker memberikan pendapatnya,

"The appointment of the penghulu mukim provides an interesting example of the integration of government administrative office into the Waning adat constitution".²⁴

Selain daripada mempunyai peranan di dalam tadbiran kolonial, penghulu juga memainkan tugas penting di dalam persoalan adat. Ia mempunyai hubungan yang rapat dengan Datuk Penghulu Waning sebagai ketua adat. Segala tindakan yang di luar tadbiran kolonial akan diselesaikannya berdasarkan kehendak undang-undang adat. Di dalam hal ini ia mendapat kerjasama yang rapat dari pihak Lembaga (Sidang) dan Buapak.

22. File; Pejabat Daerah Jasin, No: 1081/13, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

23. File; Tanah Melaka Tengah, No: 222/25, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

24. M.B. Hooker, op.cit., m.s. 98.

Pihak Inggeris tidak menghapuskan jawatan Lembaga (Sidang) sewaktu mentadbir Naning. Cuma peranan Lembaga ini telah dilemahkan dan diletakkan di bawah kuasa penghulu adat (mukim). Di dalam menyelesaikan masalah perbalahan antara Suku mengenai soal tanah, penghulu adat (mukim) selalunya menemui Lembaga (Sidang) yang berkenaan untuk mendapat penerangan lanjut. Ini memandangkan, Lembaga sebagai ketua Suku mestilah mengetahui dengan lebih mendalam terhadap pergolakan yang berlaku di dalam Suku masing-masing.

Begitu juga dengan jawatan Buapak, masih diteruskan di dalam masyarakat adat Naning. Hubungan pentadbiran yang berbentuk 'dari bawah ke atas dan dari atas ke bawah' masih lagi diteruskan. Sebarang masalah yang timbul di peringkat Perut akan dikemukakan kepada Lembaga (Sidang) jikalau tidak dapat diselesaikan maka penghulu adat (mukim) perlu dihubungi bagi tindakan selanjutnya.

Peranan Penghulu Adat (Mukim) sering mendapat perhatian daripada pegawai daerah. Di dalam menjalankan tugasnya Penghulu Adat (Mukim) ini tidak dibezakan dengan tugas penghulu mukim bagi Adat Temenggung. Keseragaman di dalam menjalankan tugas ini, dapat digambarkan melalui surat pekeliling yang diedarkan kepada semua Demang dan penghulu oleh Tuan Pesuruh Jaya Tinggi British. Tugas harian ini diselaraskan bagi memudahkan sebarang urusan yang mahu dibuat oleh anak buah.

Mengikuti surat pekeliling yang telah dikeluarkan pada tahun 1918, segala urusan harian Demang dan Penghulu Adat (Mukim) ditetapkan seperti berikut:²⁵

Hari	Tugas
Isnin	Membuat pekerjaan sekalian jenis permintaan tanah, pengaduan, jual beli, gadai menggadai tanah, mengeluarkan geran dan berharap tanah dengan mengambil kerja tanah dan sekalian jenis hal tanah.
Khamis	Pekerjaan membicarakan perkara kawasan dan mengambil kuasa. Membicarakan fasal-fasal tanah yang tergadai. Bermula sejak pukul 10.00 pagi.

Berikut ini diberikan jadual waktu tugas harian penghulu bagi memudahkan anak buah untuk berhubung dengannya di pejabat daerah.²⁶

Hari	Tugas
Isnin	Kerja: permintaan tanah, pengaduan jual beli, gadai menggadai tanah, mengeluarkan geran dan sekalian jenis hal tanah sahaja.

25. Fail Tanah Melaka Tengah 1918, No: 495/18, di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

26. Ibid.

Hari	Tugasan
Selasa	Tuan tidak ada di pejabat kerana tuan membuat kerja luar seperti pergi memeriksa tanah, sempadan dan lain-lain lagi.
Rabu	Membicarakan hal perkara tanah tergadai.
Khamis	Membicarakan perkara kuasa dan mengambil kuasa.
Jumaat	Sepatutnya orang Melayu mesti pergi ke mesjid sembahyang Jemaah, dan pada hari itu tuan ada membuat pekerjaan menyurat sahaja.
Sabtu	Pekerjaan hal tanah. Orang datang hadir dalam pejabat bersedia menanti dari pukul 10.00 pagi supaya kerja itu boleh dihabiskan sehingga pukul 2.00 sahaja.

Daripada tugas harian yang telah ditetapkan oleh Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di Melaka, didapati penghulu memainkan peranan yang penting di dalam menentukan hak milik tanah. Penghulu di Mukim Adat Naning mestilah mengetahui undang-undang milik tanah mengikut hukum adat. Perbezaan tugas ini wujud dengan penghulu di mukim Adat Temenggung (Melaka).

Di daerah Naning suatu ordinance yang dikenali sebagai 'Malacca Lands Customary Right Ordinance' yang telah dibuat pada tahun 1886, bertujuan untuk melindungi hukum adat tanah pusaka Naning.²⁷ Umpamanya di dalam kes perbicaraan Sopian dan Tiamat pada tahun 1939.²⁸ Di mana kes ini telah memperlihatkan bagaimana pemilik tanah pusaka Suku yang sah, tidak boleh menjual tanah tersebut kepada si pembeli yang tidak memiliki apa-apa Suku.

Penghulu Adat (Mukim) terlebih dahulu diarahkan menyiasat sesuatu kes itu terlebih dahulu, sebelum ia dikemukakan ke muka pengadilan. Tugas ini memerlukan pengetahuan yang mendalam terhadap hukum adat tanah pusaka Naning. Untuk melihat senarai nama penghulu dan Demang bagi daerah Adat Naning pada tahun 1945 sila rujuk di bahagian lampiran.

Sebagai seorang Islam penghulu mestilah taat kepada agama. Hubungannya dengan anak buah akan terjalin mesra jikalau ia sering hadir di dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh mesjid. Hubungannya dengan 'Tiang Empat Balai' iaitu pegawai mesjid harus dijaga dengan baik. Di dalam mesjid inilah selalunya Penghulu Adat (Mukim) mengumumkan sesuatu arahan yang dibuat oleh pegawai daerah. Mesjid merupakan tempat yang paling stratijik untuk dibuat pengumuman kerana di sinilah penduduk kampung selalu berkumpul.

Oleh itu kita dapati peranan penghulu memanglah penting sejak dari zaman tradisional sehinggalah ke hari ini. Kepentingan

27. M.B. Hooker, op.cit., m.s. 351.

28. Ibid., m.s. 352.

peranan penghulu ini digambarkan oleh William Roff menerusi kata-kata:

"Penghulu atau ketua kampung merupakan suatu tokoh penting dalam masyarakat Melayu yang tradisional. Ia menjadi orang tengah di antara pembesar dengan penduduk kampung, meskipun mereka digolong ke dalam aristokrat berpangkat rendah. Orang Inggeris mendapati jawatan penghulu bukan saja sebagai cara memuaskan hati orang-orang Melayu ... tetapi juga sebagai satu alat yang berharga untuk menjalankan kerja-kerja biasa pentadbiran luar kota dari semenjak mula-mula lagi..." 29

Kedudukan Penghulu Adat (Mukim) di dalam masyarakat

Proses pemilihan Penghulu Adat (Mukim) Naning sendiri telah dapat memberi gambaran kepada kita bagaimanakah kedudukan penghulu itu di dalam masyarakatnya. Cara perlantikan yang lebih berbentuk warisan secara giliran, telah membuktikan bahawa hubungan di antara penghulu dengan anak buahnya begitu baik sekali.

Di dalam memilih calon-calon yang benar-benar layak, maufakat di antara Suku amat penting sekali. Perlantikan akan dibuat kepada bakal penghulu yang menunjukkan sifat-sifat seorang pemimpin. Menurut Syed Husin Ali, di antara faktor penting yang menentukan status seseorang itu di dalam masyarakat adalah, umur, sifat-sifat peribadi, peranan agama, pelajaran, pekerjaan dan kekayaan.³⁰

29. William Roff, op.cit., m.s. 25.

30. Syed Husin Ali, op.cit., m.s. 109.

Di dalam masyarakat daerah Nanning, walaupun sifat-sifat seorang pemimpin seperti yang digambarkan oleh Syed Husin Ali menjadi landasan asas bagi memilih pemimpin, tetapi 'giliran Suku' tidak diabaikan.

Sesuai dengan sistem sosial masyarakat Nanning yang didasar atas hidup bersuku maka setiap Suku itu mempunyai hak untuk melantik pemimpin dari golongan mereka. Perlantikan secara giliran ini melahirkan rasa kerjasama dan rasa puas hati pada setiap anggota masyarakat yang tergolong dalam suku tersebut. Setiap anggota masyarakat pasti merasa bahawa suku mereka juga berhak mendapat kedudukan penghulu.

Oleh itu hubungan di antara penghulu dengan anggota masyarakat adalah rapat sekali. Keperibadian dan ketokohan calon penghulu itu dapat diperhatikan secara lebih dekat oleh anak buahnya, sebelum dibuat keputusan muktamat.

Penghulu sering bergaul mesra dengan anak buah di dalam mukimnya. Mereka sering dihormati dan disegani oleh anak buahnya. Keadaan ini bersesuaian dengan peranan penghulu sebagai orang tengah untuk mendamaikan perbalahan di antara anak buahnya. Tugas dari segi undang-undang adat yang masih dipegangnya membuatkan ia sering mendapat undangan untuk ke majlis-majlis sosial seperti perkahwinan. Tambahan pula di peringkat awal pentadbiran Inggeris jumlah penduduk bagi setiap mukim itu tidak ramai (rujuk laporan banci penduduk Negeri-Negeri Selat bab I). Oleh itu boleh dikatakan semua penduduk mukim mengenali penghulu mereka masing-masing dan begitu juga sebaliknya.

Namun begitu di tahun-tahun 1930an, akibat daripada kemajuan pelajaran, Inggeris mula campur tangan di dalam proses pemilihan penghulu. Kepentingan pelajaran begitu dititikberatkan, ini memandangkan kepada kepesatan penduduk serta pertambahan tugas pentadbiran yang harus dipikul oleh pegawai daerah. Jikalau dahulu seseorang penghulu yang tidak tahu menulis dan membaca akan diterima menjadi penghulu tetapi sekarang telah berubah. Ilmu pengetahuan sangat dipentingkan bagi memudahkan perhubungan surat menyurat di antara penghulu dengan pegawai daerah.

Beban yang berat dibidang pentadbiran kolonial, terpaksa ditanggung oleh penghulu. Keadaan ini menyebabkan tumpuan yang lebih harus dibuat oleh penghulu dalam tugas-tugas pentadbiran daripada persoalan adat. Tugas-tugas dibidang adat telah dipertanggungjawabkan kepada Sidang dan Buapak. Kedua-dua pemimpin ini bertanggung jawab membantu penghulu di dalam usaha meringankan bebannya. Perkembangan penduduk yang mulai pesat itu mengakibatkan hubungan penghulu dengan penduduk mukim mulai renggang.

Sebagai pegawai birokrasi berpangkat rendah, penghulu mempunyai pejabat khas bertempat di pejabat daerah. Masanya banyak dihabiskan di dalam menguruskan soal-soal tanah dan cukai. Jikalau dahulu hubungan secara tidak formal berlaku dengan anak buahnya tetapi sekarang sebarang urusan tanah yang mahu diselesaikan, lebih banyak diuruskan di dalam pejabat penghulu.

Penghulu mukim lebih cenderung menunjukkan hubungan yang baik dengan pegawai daerah. Keadaan ini disebabkan proses peralantikannya dilakukan dengan persetujuan pegawai daerah. Takutkan kedudukannya akan terancam, penghulu selalu bertindak mengikut arahan pegawai daerah. Umpamanya jika terdapat anak buah yang tidak membayar cukai, maka penghulu akan menghubungi pegawai daerah dan seterusnya tindakan diambil di mana tanah itu akan dilelong. Sikap penghulu ini sering menimbulkan kemarahan di kalangan penduduk di mukimnya.

Oleh itu kita dapati terdapat dua tahap yang jelas di dalam membincangkan status penghulu di dalam masyarakatnya. Peringkat pertama, corak kehidupan tradisional masih menebal dan perkembangan penduduk serta ekonomi belum lagi pesat. Oleh itu penghulu dianggap sebagai orang terakhir di dalam menyelesaikan sebarang masalah mereka. Sama ada dari segi adat ataupun pentadbiran biasa, sebelum dibawa kepengetahuan orang yang lebih tinggi lagi (di luar Mukim).

Keadaan berubah ditahun-tahun 1930an ke atas akibat daripada perkembangan dibidang pelajaran, ekonomi dan sosial. Jikalau dulu orang kampung masih takut untuk menemui pegawai daerah sehingga terpaksa ditemani oleh penghulu tetapi sifat ini beransur-ansur berubah. Menjelang kemerdekaan perubahan ini menjadi semakin nyata.

Namun begitu sikap hormat kepada penghulu sebagai seorang ketua mukim masih lagi wujud. Ia masih lagi diundang di majlis-

majlis sosial yang diadakan tetapi bukanlah satu kemestian yang harus dipatuhi. Tanpa kehadiran penghulu sesuatu majlis perkahwinan umpamanya masih boleh berjalan terus. Keadaan ini menampakan kerenggangan hubungan di antara penghulu adat (mukim) dengan anak buahnya jika hendak dibandingkan dengan hubungan di antara anak buah dan Lembaga di peringkat pimpinan tradisional.

Gaji yang diterima oleh penghulu adat (mukim) adalah rendah berbanding dengan tugas yang dibebankan ke atasnya. Jumlah gaji yang diterima sering berubah mengikut hasil yang dapat dikeluarkan oleh mukim di bawah jagaannya.

Daripada temuramah yang dibuat oleh penulis terhadap seorang bekas penghulu Mukim Melaka Pindah, gaji yang diterimanya adalah sebanyak \$80/= sahaja sebulan. Dari itu boleh dibuat kesimpulan bahawa bayaran yang diterima oleh penghulu adat (mukim) Naning, jarang mencapai angka \$100/= sebulan.

Pegawai daerah sedia juga menimbang tuntutan-tuntutan 'bonos' yang lebih daripada penghulu. Kemudahan di dalam menunaikan fardhu Haji juga diberikan kepada penghulu dan Demang. Contoh ini dapat dilihat daripada surat yang dihantar oleh Demang Haji Manap dari Batang Melaka ke pegawai daerah Jasin. Di dalam surat tersebut ia bermohon cuti selama 6 bulan dan meminta agar diberi bonos sebanyak \$250/=. Wang sebanyak ini memang telah diuntukkan oleh kerajaan Inggeris terhadap mereka. Ternyata segala permohonannya telah diterima dan seorang penghulu baru dilantik bagi menggantikan

sementara waktu jawatan tersebut.³¹

Di samping itu mengikut A.B. Ramsay, setiap penghulu disediakan dengan seorang mata-mata kampung, yang menjadi budak suruhan kepada penghulu.³²

Jawatan Lembaga yang telah diletak di bawah kuasa penghulu tidak menerima apa-apa bayaran bulanan. Ia dibebaskan daripada membayar cukai tanah seluas lima ekar.³³ dan kadang-kadang menerima wang sugu hati kurang daripada \$100/= setahun. Sedangkan Buapak tidak menerima sebarang bayaran daripada Inggeris. Ia memperolehi ganjaran hasil daripada hukum adat yang telah ditetapkan sebanyak \$1.80 setelah selesai satu-satu majlis perkahwinan.³⁴

31. Fail Pejabat Daerah Jasin, No: 345/1939 di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

32. A.B. Ramsay, op.cit., m.s. 100.

33. Kenyataan Mohd Aman bin Hj. Yusoff, ditemui pada 14.10.78

34. Ibid.

BAHAN RUJUKANSUMBER-SUMBER AWALAN

- Chander, R., Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, April 1971.
- Fail Residen Commissioner Office, Malacca 1945-46, No: 519/45. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Tanah Melaka Tengah 1918, No: 495/18, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Pejabat Daerah Jasin, 1925-1940, No: 443/28, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Pejabat Daerah Jasin, 1887-1914, No: 72/90, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Pejabat Daerah Jasin, 1925-1940, No: 745/33, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Pejabat Daerah Jasin, 1925-1940, No: 813/33, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Pejabat Daerah Jasin, 1925-1940, No: 345/39, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail District Office Alor Gajah Oll 04 (Pengkulu) Pt. 1 min 34.
- Harvey Papers 1849-1911, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Laporan (Memorandum) Penghulu-Penghulu di Melaka Kerja, Kuasa dan Kewajipan Penghulu-penghulu, dikeluarkan oleh Setiausaha Kesatuan Penghulu-penghulu Melaka.
- Laporan Jawatan-Jawatan Kumpulan Gaji 'C' Dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia, dicetak oleh Ibrahim bin Johari, P.I.S. Ketua Pengarah Percetakan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.
- Merewether, E.M., Report on the Census of the Straits Settlements 1891, Government Printing Office, Singapore, 1892.
- Melaka : Laporan Awal Perancangan dan Pembangunan Wilayah, Penuntut Tahun 3 Ijazah Perancangan Bandar dan Wilayah, sesi 1975/76, Universiti Teknologi Malaysia dan Ibu Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kuala Lumpur, Jun 1975.

Straits Settlements Blue Book 1920, Government Printing Office, Singapore 1921.

The Constitution of the State of Malacca 1957, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur 1963.

SUMBER-SUMBER PENDUA

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1963.

Abdul Rahman bin Haji Mohamad, Dasar-Dasar Adat Perpateh, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1968.

Abdul Samad Idris, Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, Penerbit Pustaka Asas Negeri 1970.

Beattie, J., Other Cultures, Cohen and West, London 1964.

Blagden, C.O., "Minangkabau Custom - Malacca", Journal of the Royal Society - Malayan Branch, Volume 8, Singapore 1930.

Buyong bin Adil, Sejarah Alam Melayu, dikeluarkan oleh Pejabat Karang Mengarang, Jabatan Pelajaran Persekutuan, Tanah Melayu, Kuala Lumpur, Terbitan Tiger Press, Singapura 1952.

Caldecott, A., "Jelevu - Its History and Constitution", Paper on Malay Subjects, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1971.

de Josselin de Jong, Minangkabau and Negeri Sembilan, Socio-Political Structure in Indonesia, Martinus Nijhoff, Hague 1952.

Emmanuel Godinho de Eredia, "Description of Malacca", Journal of the Royal Asiatic Society - Malayan Branch, Volume 8, Singapore 1930.

Gullick J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1970.

Hooker, M.B., Adat Laws in Modern Malaya: Land Tenure, Traditional Government and Religion, Oxford University Press, London 1972.

- Humprey, J.L., Datok Naning A Naning Recital, Journal of the Straits Branch of the Royal Society, No. 83, 1921.
- Lister, M., "The Negeri Sembilan : Their Origin and Constitution", Journal of the Royal Asiatic Society - Strait Branch, Vol. 19, Singapore 1889.
- Maxwell, M.E., "The Law and Custom of the Malays With Refference to the Tenure of Land", Journal of the Royal Asiatic Society - Straits Branch, No. 13, Singapore 1884.
- Nathan, J.E. and Winstedt, R.O., "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunung Pasir and Terachi : Their History and Constitution", R.J. Wilkinson (ed) Papers on Malay Subjects, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1971.
- Newbold, T.J., British Settlements in the Straits of Malacca, Vol. I and Vol. III, Oxford University Press, London 1971.
- Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Jabatan Penerbitan Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur 1976.
- Parr, C.W.C. and Mackray, W.H., "Rembau : Its History Constitution and Customs", Journal of the Royal Asiatic Society - Straits Branch, Vol. 56, Singapore 1956.
- Ramsay, A.B., "Some Notes on Kampong Officials in the Alor Gajah District of Malacca", Journal of the Royal Asiatic Society - Malayan Branch, Vol. 23, Singapore 1950.
- Roff, W.R., Nasionalisma Melayu, terjemahan Ahmad Boestamam, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1975.
- Shahba, Pesaka Naning, Sentosa Store, Kuala Pilah, Negeri Sembilan 1951.
- Swift, M.G., Malay Peasant Society in Jelebu, The Athlone Press, London 1965.
- Syed Hussain Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampong di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1977.
- Wilkinson, R.J., "Notes on the Negeri Sembilan, R.J. Wilkinson (ed), Paper on Malay Subjects, Oxford University Press 1971.

Winstedt, R.O., "Negeri Sembilan : The History, Polity and Beliefs of the Nine States", Journal of the Royal Asiatic Society - Malayan Branch, Vol. 12, Singapore 1934.

Zainal Kling, Masyarakat Melayu antara Tradisi dan Perubahan, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur 1977.

LATIHAN ILMIAH DAN PENULISAN PERSENDIRIAN

Dol Bahar bin Mohamad, Beberapa Aspek Hukum Adat dan Pentadbiran di Naning (1900 - 1941): Unsur-unsur Demokrasi, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973.

Zainal Kling, Sistem Penghulu di daerah Alor Gajah, Melaka, Latihan Ilmiah, B.A. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966.

LAMPIRAN I

ORANG YANG DITEMURAMAH1. Datuk Mohd Shah bin Mohd Said

Umur: 71 tahun

Pendidikan: Berpendidikan Melayu dan Inggeris.

Pekerjaan: Menjadi Datuk Penghulu Naning sejak 1953. Bergelar Yang Amat Mulia Datuk Naning, Orang Kaya Seri Raja Merah (DUSM) Darjah Utama Seri Melaka.

Tempat tinggal: Di Taboh Naning, Alor Gajah Melaka.

Pengalaman: Pernah menjadi Pegawai Polis di Singapura.

2. Mohd Isa bin Ahmad

Umur: 78 tahun

Pendidikan: Sekolah Melayu.

Pekerjaan: Kerja kampung.

Tempat tinggal: Kampong Melaka Pindah, Alor Gajah Melaka.

Pengalaman: Pernah menjadi Buapak.

3. Mohd Aman bin Hj. Yusoff

Umur: 60 tahun.

Pendidikan: Sekolah Melayu.

Pekerjaan: Menjadi Buapak Suku Tiga Batu.

Tempat tinggal: Kampong Melaka Pindah, Alor Gajah Melaka.

Pengalaman: Bekas anggota polis di Singapura.

4. Abdullah bin Maadom

Umur: 32 tahun.
Pendidikan: Lulus Sijil Pelajaran Malaysia.
Pekerjaan: Menjadi Penghulu Mukim Kelemak, Sungai Petai, Rembia, Malaka Pindah, Parit Malana dan Beringin.
Tempat tinggal: Kelemak, Alor Gajah Melaka.
Pengalaman: Pernah menjadi posman.

5. Abd. Rahman bin Yaakob

Umur: 31 tahun.
Pendidikan: Lulus Sijil Pelajaran Rendah.
Pekerjaan: Menjadi Penghulu bagi Mukim Durian Tunggal, Gangsa, Belimbing, Macap, Bukit Bulat, Menggong dan Tebong.
Tempat tinggal: Alor Gajah, Melaka.
Pengalaman: -

6. Datuk Kasim bin Yasin

Umur: 58 tahun.
Pendidikan: Lulus Darjah Lima (Sekolah Melayu)
Tempat tinggal: Melaka Pindah, Alor Gajah Melaka.
Pekerjaan: Pernah menjadi Penghulu Adat (Mukim) di zaman British.

7. Chik bin Hussin

Umur: 80 tahun.
Pendidikan: -
Tempat tinggal: Melaka Pindah, Alor Gajah Melaka.

Pekerjaan: -

Pengalaman: Hidup dizaman Inggeris dan Jepun.

8. Mohd Taha bin Bidin

Umur: 54 tahun.

Pendidikan: Sekolah Darjah lima (Melayu).


Tempat tinggal: Melaka Pindah, Alor Gajah Melaka.

Pekerjaan: POSMAN


Pengalaman: Pernah mengundi di dalam memilih penghulu Melaka pindah dizaman British.

LAMPIRAN II

PETA DAERAH ALOR GAJAH DAN WILAYAH ADAT NANING



LAMPIRAN III

KETURUNAN RESMI PENGHULU NANING
DARI TAHUN 1831 HINGGA TAHUN 1895

Daripada: M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya - Land Tenure, Traditional Government and Religions, Oxford University Press, K. Lumpur 1972, m.s. 96.

LAMPIRAN IV

SENARAI NAMA DATUK PENGHULU NANING (1850-1951)

1. Idas - (1850-1870) Suku Biduanda.
2. Mohd Saleh - (1870-1895) Suku Biduanda.
3. Ranting - (Beberapa bulan 1900) Suku Biduanda.
4. Hassan - (1900-1916) Suku Biduanda.
5. Yunus - (1917-1922) Suku Biduanda.
6. Jawatan kosong (1922-1925)
7. Datuk Arshad - (1925-1932) Pangku Jawatan Datuk Osman.
8. Datuk Osman Kering (1932-1942)
9. Jawatan kosong (1942-1947)
10. Che Lah - (Hilang dizaman Darurat) (1947-1942)
11. Datuk Mohd Shah Said (1951-1979)

Daripada: Shahba, Pesaka Nanning, Sentosa Store,
Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 1951.

LAMPIRAN V

PERLANTIKAN PENGHULU SG. SIPUT

Tel - 217 AG(D))
207 AG(Clerks)

District Office
Alor Gajah

No: (6) in DOAG 47/1945

8 Dec 1945.

The Dy : Senior Civil Affair Officer
Malacca

Sir,

Subject: Appointment of Penghulu of
Sungai Siput

- (1) I have the honour to report that an election for the appointment of Penghulu of Sungai Siput was held on 28.11.1945 at the Sg. Siput Vernacular School.
- (2) The Anak Buah's present unanimously elected Sidang Jamal bin Hasan as Penghulu. Notices were issued giving on week's notice for objection to be filed before the confirmation of the appointment. Since no objection has been received, I there fore recommend him for the appointment of penghulu of the said Mukim with the effect from 6th Dec 1945 with a salary of \$13 permensem.

I have the honour to be,

Sir
Your obedient servent
Major R.A.
(A.W. Lamond)
D.O. A. Gajah

Daripada: Fail Residen Commisioner Office Malacca 1945-46
No. 516/45, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Federation of Malaya, nominate and appoint you to be PAUKHULU.....

.....
over the mukim ofMALAKA, PINDAI.....

with effect from1st January, 1951.....

and do hereby authorize you to do and perform all such acts as may be
done or performed by aPAUKHULU.....


under the Crown Lands Encroachments Ordinance of the Straits

Settlements and I do hereby require the inhabitants of the said mukim

to obey you as suchPAUKHULU.....

thereof as long as you shall retain the said appointment.

.....24th January, 1951.....



.....
Resident Commissioner,
Malacca.

LAMPIRAN VI

SURAT PERLANTIKAN PENGHULU DIMASA TADBIRAN
KOLONIAL (BRITISH) BERTARIKH 1951

Ref: Encl (1) in RCOY. 38/51.

LETTER OF APPOINTMENT OF PENGHULU

To

.....
KASSIM BIN MOHAMAD YASIN
.....

I do hereby, on behalf of His Excellency the High Commissioner,
Federation of Malaya, nominate and appoint you to be PENGHULU.....

.....
over the mukim of.....MALAKA, PINDAI.....

with effect from.....1st January, 1951.....


and do hereby authorize you to do and perform all such acts as may be
done or performed by a.....Penghulu.....

under the Crown Lands Encroachments Ordinance of the Straits
Settlements and I do hereby require the inhabitants of the said mukim

to obey you as such.....Penghulu.....

thereof as long as you shall retain the said appointment.

24th January, 1951.



.....
Resident Commissioner,
Malacca.


LAMPIRAN VII

SENARAI DEMANG DAN PENGHULU BAGI DAERAH
ALOR GAJAH - 1945

List of Pengulus and Demangs in Alor Gajah District.

No.	Name	Appointment held on 5-12-45	Address
①	H. Muslim b M. Awang	Demang	Durian Tunggal
2.	H. Pahar b H Mangku	"	Kasjid Tanah
3.	H. Talip b M Samad	"	Sungei Petai
4.	H. Maarop b M. Tamby	"	Tanjong Kimau
5.	H. Sulong b Untong	Pengulu	Ayer Ra'abas
6.	Said b Rajid	"	Brisu
7.	Hj. -atjan b Wan Kat	"	Kelemak
⑧	Chi bin Maresat	"	Kuala Linggi
9.	Harun bin Talip	"	K. C. Kechil
⑩	Ugop bin Mabut *	"	Blimbing
⑪	Bachi bin Enjah	"	Bringin
12.	Masan bin Surin	"	Gadek
13.	Maman bin Karim	"	Kemuning
⑫	Manap bin Ngah	"	Kuala Sungei Baru
15.	Kassim bin Kassan	"	Lendu
16.	M. Jai bin Said	"	Malaka Pinda *
17.	Md. Jani bin Manas *	"	Melekek
18.	H. Md. Som b M. Ujud	"	Padang Sebang
⑬	Jai bin Said *	"	Parit Melana
20.	Mahadi bin Hussin	"	Pegoh
21.	Abdul Ghani b Ludin	"	Pulau Sebang
22.	Hj. Yunus bin Sdg. Tunggal	"	K. C. Besar
⑭	Salleh bin Batak	"	Sg: baru ilir
24.	Hj. Dollah bin Ludin	"	Sg: baru Ulu
25.	Sudin bin Bodot *	"	Tebong
26.	Abu bin Along *	"	Kembia
⑮	Musin bin Matsah	"	Sg: baru rengah
28.	Jamal bin Masan	"	Sungei Siput
29.	Lat bin Musin	"	raban Maning..

Sent on 27/12/45 except
to Nos. 10, 17, 19, & 26


 Major R.A.
 District Officer, Alor Gajah
 (A. S. LAMOND)

LAMPIRAN VIII

SENARAI DEMANG DAN PENGHULU BAGI DAERAH
JASIN - DILANTIK PADA 18 DEC. 1945

List of Demangs & Penghulus of Jasin District as on 18th December, 1945.

Demang Abdullah b.Hj. Usope	(1. Ayer Panas	- Penghulu Hj.Usope b.Hj.Aman
	(2. Jasin	- " Hj.Mamat b.Hj.Musah
	(3. Rim	- Demang Abdullah b.Hj.Usope
	(4. Chinchin	- Penghulu Mohd. Dora b.Jamudin
	(5. Semujok	- " Hj.Lemat b.Lope
	(6. Kesang	- " Moharram b. Matzin
Demang Hj. Abdul Manap b. Bulat	(7. Btg. Malaka	- Demang Hj. Abdul Manap b. Bulat
	(8. Selandar	- Penghulu Sa'adun b. Lemat
	(9. Bkt. Singgeh	- " Abdulghani b. Kulop
	(10. Jus	(Vacant)
Demang Mahmood b. Yusope	(11. Chohong	- Demang Mahmood b. Yusope
	(12. Chabau	- Penghulu Hj. Hassan b. Tahar
	(13. Nyalas	- " Kendot b. Hitam
Demang Baba b. Masahat	(14. Umbai	- Penghulu Matnor b. Manan
	(15. Serkam	- Demang Baba b. Masahat
	(16. Tedong	- Penghulu Ahim b. Katek
	(17. Sempang	- " Maidin b. Hj. Mahasan
	(18. Merlimau	- Penghulu Mohd. Nater b. Ab. Ghani
(Vacant)	(19. Sebatu	- " Mat b. Salim
	(20. Sg. Rambai	- " Mayasin b. Long

Sent on 27/12/45
 Receipt No 5,9318

Bertanda merah O : Penghulu dan Demang di wilayah
 Adat Perpatih Naning

Daripada: Fail Resident Commissioner Office Malacca
 1945-46, No: 519/45, Arkib Negara Malaysia,
 Kuala Lumpur.

Ref. DOAG.011040cmf.

District Office.

Alor Gajah.

T I R A S

To

Che' Kassim bin Mohd Yasin,

M. Pindah, Alor Gajah.

KR, Enche'

I am directed to offer you appointment as Penghulu in the State of Malacca

on a salary of
 Timescale: \$160x7.50-220/1st Efficiency Bar/
 \$182-50 per mensem on the scale \$237x14-293/-2nd Efficiency Bar/
 310x14-366
 (Vacancy Bar) In addition you will receive
 Special Grade \$380x21-464
 a variable Cost of Living Allowance at current rates.

2. This offer is subject to the following conditions:

- (a) That you are medically fit. Your acceptance of the offer must be accompanied by an acceptable medical certificate from a Government Medical Officer on the attached Form Gen. 402.
- (b) That you sign the Statutory Declaration overleaf. You will be liable to instant dismissal if any statement in the completed declaration is later found to be untrue.
- (c) That you serve on probation for a period of One year. Before you can be considered for confirmation in your appointment you should pass the under-mentioned examinations:

On confirmation in your appointment at the end of your prescribed period of probation you will draw a salary of \$ 190.00 per mensem. Should, however, you fail to secure confirmation in your appointment at the end of your period of probation, your services may be terminated.

- (d) That during the first year of the period of your probation, your services would be terminable at any time with one month's notice, or one month's salary plus Cost of Living Allowance in lieu, and without any reason being given. You would also be free to relinquish your appointment by giving one month's notice or one month's salary in lieu plus Cost of Living Allowance. During the rest of your period of probation, the appropriate notice required for both parties would be three months or one month's salary in lieu plus Cost of Living Allowance.
- (e) That you are at all times subject to Government General Orders, Circulars and other administrative instructions as may from time to time be issued relating to the work, conduct and Conditions of Service of officers in the Public Service.

State of Malacca

- (f) That you will be liable to be employed in any part of the State of Malacca.

LAMPIRAN IX

SURAT PERLANTIKAN PENGHULU NEGERI
MELAKA SELEPAS MERDEKA - (1958)

2

3. The appointment offered is pensionable/~~non-pensionable~~/temporary.

4. I am to inquire whether you wish to accept appointment on the terms stated in this letter. If you wish to accept appointment on the terms stated in this letter, you are requested to:

- (1) Detach the form of Statutory Declaration on page 3 and have that Declaration sworn before a magistrate.
- (2) Complete the first part of Form Gen. 402 (Medical Examination) attached and hand that form to a Government Medical Officer with whom you should arrange to be medically examined.
- (3) Sign your acceptance on page 4 of this letter and return the completed Statutory Declaration, your acceptance and the medical certificate (Form Gen. 402) to the address stated on page 4.

I am, Sir,

Your obedient servant,

Tom. Scott

.....
Federation Establishment Officer/
Head of Department

LAMPIRAN X

NAMA PENGHULU : DAERAH ALOR GAJAH (1966)

1. Khamis Md. Som : Penghulu Pengkalan Balak (R.C.)
2. Ghaus Ahmad : Penghulu Sungai Baru (R.C.)
3. Kasim Yasin : Penghulu Durian Tunggal (R.C.)
4. Maasim Arif : Penghulu Tanjong Rimau (R.C.)
5. Majid Sulong : Penghulu Masjid Tanah (R.C.)
6. Ahad Arshad : Penghulu Lubuk Cina (R.C.)
7. Md. Aris Tahir : Penghulu Pegoh (R.C.)
8. Mulop Manap : Penghulu Simpang Empat (R.C.)
9. Saad Montel : Penghulu Alor Gajah (R.C.)
10. Mohd Said : Penghulu Bacang (Daerah Melaka Tengah) dan pengerusi persatuan penghulu Melaka.

(R.C.): merujuk kepada Rural Council atau Majlis Bandaran yang dipegang oleh wakil rakyat (dilantik oleh rakyat)

LAMPIRAN XI

SENARAI TUGAS PENGHULU: DARI ARAHAN PERKHIDMATAN
BAB I(5)

1. Menjalankan kerja-kerja urusan tanah di bawah hukum Kanun Tanah Negeri.
2. Mengambil tahu kedudukan tanah dan usaha-usaha di atas tanah dalam kawasannya.
3. Menasihatkan anak buah dalam hal ehwal mengambil kuasa harta simati.
4. Menyelesaikan perbalahan dan perselisihan faham di antara anak-anak buah.
5. Mengawal dan mengarahkan Sidang dalam pekerjaan mereka.
6. Menghebahkan rancangan-rancangan kerajaan.
7. Menganjurkan perkhidmatan bagi kemajuan masyarakat.
8. Memberi kerjasama kepada sebarang pegawai kerajaan dan jabatan yang berkehendakan perantaraan.
9. Memberikan perhubungan apabila berlaku kecemasan dan melaporkan kepada pihak yang berkenaan.
10. Mencegahkan dan melaporkan kejadian jenayah dan kesalahan undang-undang.
11. Melaporkan kepada Jabatan Ugama berkenaan pengajaran ugama Islam yang salah.

12. Melaporkan kejadian penyakit binatang.
13. Melaporkan kejadian penyakit merbahaya dan berjangkit.
14. Membantu dalam hal-hal berkaitan dengan adat istiadat Melayu dan ugama Islam.
15. Menganjurkan dan mengambil bahagian dalam Badan dan Jawatan-kuasa yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan.
16. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh ketua pejabat dari semasa kesemasa.

LAMPIRAN XII

ADAT PERPATIH NANING DI DALAM PERLEMBAGAAN

FASAL 34

- (i) Gabnor hendaklah melantik seorang memegang jawatan Datuk Penghulu Naning mengikut 'Adat Perpatih Naning' dan orang yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan mengikut 'Adat Perpatih' seperti yang dituruti oleh orang-orang yang tinggal di dalam daerah yang tersebut dalam jadual yang kedua dan disebut bagi maksud perkara ini Wilayah 'Adat Perpatih Naning'.
- (ii) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perlembagaan Persekutuan maka taraf Datuk Naning itu di dalam Lingkungan Wilayah Adat Perpatih Naning hendaklah selepas gabnor.
- (iii) Gabnor bolehlah bertanya fikiran Datuk Penghulu Naning dan Datuk Penghulu Naning itu berhaklah menyampaikan nasihatnya terus kepada gabnor di atas apa-apa juga perkara yang pada fikiran gabnor atau Datuk Penghulu atau siapa yang berkenaan mengenai Adat Perpatih dalam lengkongan Wilayah 'Adat Perpatih Naning'.
- (iv) Dengan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan kepada ini kuasa undangan dengan membuat undang-undang, bolehlah memberi kepada Datuk Penghulu Naning kewajipan yang lain-lain berkait dengan 'Adat Perpatih Naning'.
- (v) Dalam Perkara dengan 'Adat Perpatih Naning' ertinya adalah 'adat yang diterima dan diamalkan oleh orang-orang Wilayah Adat Perpatih Naning iaitu adat dan tidaklah sekali berkait dengan ugama.

Daripada: Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan
Perlembagaan Pulau Pinang dan Negeri Melaka.
 Dicetak dan diterbit di Jabatan Cetak Kerajaan,
 Kuala Lumpur 1958, m.s. 192.

4. Hj. Khamis bin Mohd Sam

- Mukim:
1. Kuala Linggi
 2. Kuala Sungai Baru
 3. Sungai Baru Ilir
 4. Sungai Baru Tengah.

5. Abdul Majid bin Sulong

- Mukim:
1. Masjid Tanah
 2. Sungai Baru Ulu
 3. Ayer Paabas
 4. Lendu
 5. Pegoh

6. Abdullah bin Maadom

- Mukim:
1. Kelemak
 2. Sungai Petai
 3. Rembia
 4. Malaka Pindah
 5. Parit Malana.
 6. Beringin.